# PRODUCT DISCLOSURE SHEET

## PERSONAL FINANCING-i FACILITY – MURABAHAH COMMODITY

### LEMBARAN PENZAHIRAN PRODUK (LPP)

| | |
|---|---|
| **Sila baca Lembaran Penzahiran Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk memilih Pembiayaan Peribadi i-Lestari.**<br>**Terma dan syarat pembiayaan dinyatakan secara terperinci di Surat Tawaran dan Dokumen Perjanjian.** | **M4M 2.0 (KERAJAAN & BADAN BERK**<br><br>**TARIKH : 24 JUN 2015** |

**1. Apakah yang perlu saya ketahui mengenai produk ini?**

- Produk ini menawarkan kemudahan tunai bagi membantu pelanggan dalam menangani keperluan kewangan.

**2. Apakah konsep Syariah yang digunakan?**

- Kontrak Syariah ialah *Murabahah Komoditi.*
- Kemudahan Pembiayaan adalah di bawah prinsip Syariah *Murabahah Komoditi (berlandaskan konsep Tawarruq)* di mana berdasarkan wa'd daripada pihak pelanggan, Bank akan membeli komoditi daripada pihak pembekal komoditi dan seterusnya menjual komoditi kepada pelanggan berlandaskan kontrak Murabahah pada harga jualan (kos komoditi berserta keuntungan) secara tangguh dan kemudian, sebagai agen pelanggan, Bank menjualkannya kepada pembeli pihak ketiga dengan cara tunai. Kutipan tunai daripada pembeli pihak ketiga ini akan dimasukkan ke dalam akaun simpanan pelanggan.
- Jenis komoditi yang digunapakai adalah komoditi 'airtime' atau atau lain-lain komoditi seperti minyak sawit mentah, getah atau 'plastic resin'.

**3. Apakah tanggungjawab kewangan saya dengan melanggan produk ini?**

***Contoh Pengiraan***

- Jumlah Pembiayaan : RM 100,000.00
- Kadar Keuntungan : 4.05 %
- Tempoh Pembiayaan : 10 tahun (120 bulan) - *Tempoh Maksima : 10 tahun*
- ***Jumlah Harga Jualan*** : RM 140,500.00
- ***Ansuran bulanan*** : RM 1,171.00

(*Nota: Sebelum pengiraan rebat atas keuntungan belum terakru bagi penjelasan awal)

**4. Apakah yuran dan caj yang perlu dibayar?**

- Duti Setem : **0.5%** dari jumlah pembiayaan seperti yang terkandung dalam Akta Duti Setem 1949 (Semakan 1989) keatas dokumen Perjanjian Jualan serta caj sebanyak RM 10.00 bagi setiap Surat Tawaran dan Perjanjian Jaminan (sekiranya berkaitan).
- Pelanggan dikehendaki membuat bayaran sebanyak 1 bulan ansuran bulanan kepada pihak Bank sebagai bayaran awal pembiayaan.
- Pelanggan dikehendaki menjelaskan Bayaran Perkhidmatan sebanyak sebanyak **0.5%** dari jumlah pembiayaan.

**5. Bagaimana sekiranya saya gagal memenuhi syarat yang ditetapkan?**

- Caj Ganti Rugi (Ta'widh) kerana Bayaran Lewat

| | |
|---|---|
| Ketika tempoh pembiayaan : | 1% setahun ke atas jumlah bayaran bulanan tertunggak. |
| Ketika tamat tempoh pembiayaan : | kadar semasa pasaran wang secara Islam atau lebih dikenali sebagai kadar "r" (iaitu kadar dividen bagi akaun pelaburan bertempoh 12 bulan) bank pembiaya ke atas baki harga belian (baki |

| | |
|---|---|
| | pokok). Kadar ini akan berubah mengikut kadar semasa pasaran wang secara Islam. |

- Bank berhak menolak/mempelaras baki simpanan (Akaun Simpanan/Akaun Pelaburan/Akaun Saham Keanggotaan) pelanggan di Co-opbank Pertama sebagai bayaran ke atas jumlah tertunggak.
- Bank berhak untuk menuntut kos sebenar yang berbangkit akibat daripada penjelasan awal tersebut tertakluk kepada polisi dan prosedur semasa Bank dan selaras dengan Garis Panduan Bank Negara Malaysia/Suruhanjaya Koperasi Malaysia dan prinsip Syariah.
- Bank berhak mengambil tindakan undang-undang dan segala kos ditanggung oleh pelanggan.

**6. Adakah saya boleh membuat penjelasan awal pembiayaan atau sebahagian daripada pembiayaan?**

Ya.Pelanggan boleh membuat penjelasan awal pembiayaan

**7. Bagaimanakah sekiranya kemudahan pembiayaan ditamatkan sebelum tempoh matang atau pelanggan melakukan penjelasan awal?**

- Sekiranya pelanggan membuat penjelasan awal ke atas Harga Jualan, Bank akan memberi Ibra'(rebet) kepada pelanggan berdasarkan kepada polisi dan prosedur semasa Bank yang akan dikira mengikut formula seperti berikut;

  ***Jumlah penyelesaian awal*** = *harga jualan* **–** *prinsipal telah dibayar* **–** *baki prinsipal belum dikeluarkan* **–** *ibra' (keuntungan tertangguh / jumlah keuntungan belum terakru*) + [(Kadar Kos Dana (COF) **–** Kadar Efektif Pembiayaan) x prinsipal yang telah dikeluarkan] + (lain-lain kos kerugian sebenar).

  *Ibra' bermaksud keuntungan tertangguh/jumlah keuntungan belum terakru yang belum diambilkira sebagai keuntungan semasa.

**8. Apakah risiko yang perlu saya tanggung?**

- Pelanggan masih bertanggungjawab memastikan bayaran ansuran bulanan dibuat seperti yang dinyatakan di dokumen perjanjian walaupun pelanggan menghadapi masalah kewangan seperti kehilangan pekerjaan atau sakit.
- Jika pelanggan mempunyai masalah di dalam memenuhi kewajipan pembiayaan, sila hubungi pihak bank dengan kadar segera untuk membincangkan pembayaran alternatif.

**9. Adakah saya memerlukan penjamin atau cagaran?**

- Pelanggan perlu mengemukakan penjamin sekiranya tidak memenuhi syarat pembiayaan. Manakala cagaran tidak diperlukan untuk pembiayaan ini.

**10. Apakah Bank memerlukan bayaran pendahuluan?**

- Bayaran Pendahuluan yang perlu dibayar adalah sebanyak satu (1) bulan ansuran bulanan dan jumlah tersebut akan ditolak daripada jumlah pembiayaan semasa pengeluaran dibuat dan akan dikreditkan ke dalam Akaun Pembiayaan Peribadi.

| **11. Di mana saya boleh dapatkan maklumat lanjut?** | **Sebarang cadangan dan pertanyaan anda boleh disalurkan ke:** | **Anda boleh membuat aduan dengan menelefon:** |
|---|---|---|
| Sekiranya pelanggan memerlukan maklumat lanjut sila rujuk risalah produk atau layari www.cbp.com.my | Pusat Panggilan di talian 1-300-88-7650 pada hari Isnin hingga Jumaat dari jam 8:30 pagi hingga 5.30 petang<br><br>Atau<br><br>e-mail kepada:<br><br>biaya@cbp.com.my | 03-26927650<br><br>atau menghantar aduan anda ke:<br><br>Unit Biro Aduan Awam,<br>Jabatan Pengurusan Strategik<br>Koperasi Co-opbank Pertama Malaysia Berhad,Tingkat 3, Wisma JcbNext, No.27, Lorong Medan Tuanku 1, Off Jalan Sultan Ismail, 50300 Kuala Lumpur atau e-mel ke **info@cbp.com.my.**<br><br>Atau<br><br>Suruhanjaya Koperasi Malaysia, |

| | | |
|---|---|---|
| | | Bahagian Penyiasatan & Penguatkuasaan ,<br>Tingkat 10 ,Sunway Putra Tower,<br>100 Jalan Putra,50350 Kuala Lumpur<br>Laman web: www.skm.gov.my<br>Tel: 03-40474000<br>Faks:03-40474116<br>Atau Sistem Aplikasi Online Aduan Koperasi: http://apponline.skm.gov.my<br><br>Atau<br><br>Hubungi Bank Negara Malaysia LINK atau TELELINK di<br><br>Block D, Bank Negara Malaysia, Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur.<br>Tel: 1-300-88-5465<br>Faks: 03-21741515<br>E-mail: bnmtelelink@bnm.gov.my |

**12. Di manakah saya boleh dapatkan bantuan apabila menghadapi masalah membuat bayaran ansuran pembiayaan ?**

Pelanggan boleh menghubungi cawangan bank di mana pembiayaan dibuat atau mana-mana cawangan Co-opbank Pertama berhampiran dengan segera,

atau

Pelanggan boleh dapatkan khidmat nasihat daripada Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK). Agensi ini ditubuhkan oleh BNM untuk memberi perkhidmatan secara percuma iaitu pendidikan kewangan, kaunseling kewangan dan pengurusan kredit.

Hubungi AKPK di alamat berikut:

Tingkat 8, Maju Junction Mall,
1001, Jalan Sultan Ismail
50250 Kuala Lumpur
Tel: 1-8700-22-2575
E-mail: enquiry@akpk.org.my

**PENTING!**

- **TINDAKAN UNDANG-UNDANG AKAN DIKENAKAN JIKA PELANGGAN TIDAK MELUNASKAN PEMBIAYAAN**
- **LEMBARAN PENZAHIRAN PRODUK TELAH DIBACA, DIFAHAMI & DIPERSETUJUI OLEH PELANGGAN DAN MESTILAH DITANDATANGANI OLEH PELANGGAN**